

## **BAB II**

### **KEADAAN ORGANISASI DAN PROGRAM DALAM PUSAT PEMULIHAN MASALAH PELACURAN**

Bab ini bertujuan memberikan gambaran yang umum mengenai keadaan pusat pemulihan sosial bagi masalah pelacuran di Indonesia dan Malaysia. Dengan gambaran yang menyeluruh, dapat dilihat perkembangan, organisasi, dan bentuk-bentuk program yang dilaksanakan pada kedua pusat pemulihan sosial bagi mengatasi masalah pelacuran. Gambaran ini akan menunjukkan latar belakang mengenai pentingnya pemulihan sosial, dan sistem pelaksanaan yang dijalankan dalam pusat pemulihan sosial. Ini berguna untuk memahami fungsi dan peranan pusat pemulihan sosial bagi membantu mengatasi masalah pelacuran.

#### **1. KEADAAN PUSAT PEMULIHAN**

##### **1.1. Dasar Dan Tujuan Pemulihan Sosial**

Pemulihan sosial merupakan satu konsep dan pendekatan yang mempunyai pengertian usaha memulihkan berbagai masalah sosial. Konsep pemulihan mengandungi unsur sebagai senjata penting yang ditujukan untuk mengalasi masalah penyimpangan kelakuan manusia. Unsur ini mengandungi juga pendekatan yang dipraktikkan dalam berbagai langkah perkhidmatan

dalam institusi sosial, yang bukan hanya untuk tujuan pemulihan, tetapi juga pengawalan ke atas gejala kejahatan dan penyimpangan sosial.

Di Indonesia, masalah pelacuran merupakan satu bentuk masalah sosial yang penting untuk diatasi agar tidak menimbulkan masalah yang lebih berat dalam kehidupan masyarakat. Salah satu bentuk penanganan masalah pelacuran dilakukan dengan sistem pemulihan sosial. Sistem pemulihan sosial dilaksanakan dalam konteks pembangunan kesejahteraan sosial sebagai bagian dari pembangunan nasional dan pembangunan kesejahteraan rakyat yang tersusun dalam satu sistem. Dalam konteks yang demikian, pembangunan kesejahteraan sosial dilakukan melalui pendekatan sistem, iaitu Sistem Kesejahteraan Sosial Nasional (Departemen Sosial 1996).

Di Malaysia, pelacuran juga merupakan satu bentuk masalah sosial yang dipandang sebagai masalah yang mendesak dan boleh mengganggu keamanan dan kesejahteraan negara. Oleh itu, ketepatan pendekatan dan segala arah yang jelas perlu untuk mencapai tujuan Dasar Kebajikan Masyarakat, untuk menggalakkan kesejahteraan rakyat serta kestabilan masyarakat menuju kearah pewujudan keadilan sosial. Bagaimanapun, pendekatan pemulihan sosial telah diperaktikkan sejak 1946 melalui sistem institusi sosial, yang mempunyai makna sama dengan sistem pusat pemulihan sosial. Sistem pemulihan sosial dengan pusat pemulihan ini ditujukan untuk mengatasi berbagai masalah sosial, termasuk masalah pelacuran.

Penanganan masalah sosial melalui sistem pusat pemulihan sosial yang dilakukan di Indonesia merupakan serangkaian perkhidmatan bagi penyandang masalah sosial. Perkhidmatan sosial ini ditujukan untuk memberi satu kesempatan kepada yang terlibat untuk dilatih ke arah menjadi seorang warga yang diterima secara sosial dan dapat bersifat mandiri. Dalam perkhidmatan sosial ini menunjukkan satu proses yang mencakupi tahap pemulihan sosial, resosialisasi, dan bimbingan lanjut. Proses ini menunjukkan bentuk perkhidmatan yang diberikan, berada di dalam dan luar pusat pemulihan sosial. Dengan demikian, proses ini merupakan satu usaha untuk mewujudkan kehidupan pelacur agar mempunyai rasa harga diri, kepercayaan diri, tanggung jawab sosial serta berkemaunan dan kemampuan melaksanakan fungsi sosial dalam kehidupan masyarakat. Berbeza dengan di Malaysia, pemulihan sosial lebih ditekankan kepada kegiatan di dalam pusat pemulihan, yang mencerminkan suatu upaya yang bertujuan untuk melindungi serta mendidik anak-anak asuh ke arah satu kehidupan yang boleh meningkatkan kemajuan diri, serta mengolah sebaik mungkin segala kemampuan yang terkandung pada diri mereka sendiri. Untuk mencapai matlamat pemulihan sosial itu, pendekatan pemulihan sosial yang ditekankan merangkumi bentuk-bentuk pemulihan fizikal, sosial, mental dan psikologis, pendidikan umum dan keagamaan, dan latihan kemahiran.

Penanganan masalah pelacuran sebagai satu bentuk masalah sosial, dilaksanakan berdasarkan kepada falsafah yang terkandung dalam nilai-nilai dan norma masyarakat<sup>1</sup>. Dalam nilai-nilai falsafah yang utama pada masyarakat di kedua negara ini, secara konstitusi, pada asasnya menekankan pada nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan. Nilai-nilai ketuhanan pada dasarnya mengajarkan pentingnya agama yang mempunyai kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Sedangkan nilai-nilai kemanusiaan menunjukkan bahawa setiap warga negara menghayati nilai tolol menolong, yang tercermin dalam tingkah laku setiap orang. Sedangkan Secara ilmiah, prinsip-prinsip Kerja Sosial dijadikan landasan pendekatan ilmiah dengan menggunakan metoda bimbingan perorangan, bimbingan kelompok dan pentadbiran, dan bekerjasama dengan berbagai disiplin ilmu lain yang berkaitan. Perkhidmatan sosial yang dijalankan, pada asasnya mengarah kepada profesionalisasi pelaksanaan usaha kesejahteraan sosial.

Dengan demikian, secara konsepsi dan konstitusi, pemulihian sosial bagi masalah pelacuran ditujukan untuk membina, membimbing dan memulihkan para pelacur kepada kehidupan masyarakat yang normatif,

<sup>1</sup> Di Indonesia, nilai-nilai kehidupan masyarakat terdapat dalam Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945; dan di Malaysia, terdapat dalam Rukun Negara.

sesuai dengan nilai-nilai dan norma masyarakat. Tujuan pembinaan dan bimbingan ini mempunyai erti bahawa pemulihan bagi masalah pelacuran diharapkan agar dapat mengembalikan para pelacur kepada jalan kehidupan yang benar, baik dipandang dari sudut ajaran agama dan moral, norma, Undang-Undang<sup>2</sup>, dan Dasar Pembangunan dalam Bidang Kebajikan Masyarakat yang berlaku dalam satu negara dan masyarakat.

Pemulihan sosial bagi masalah pelacuran, dipandang sebagai satu gambaran tentang proses kegiatan yang ditujukan untuk mengembalikan kehidupan para pelacur ke dalam masyarakat sesuai dengan nilai dan norma masyarakat. Gambaran ini menunjukkan satu keterkaitan antara Dasar Negara sebagai satu falsafah bangsa dengan undang-undang sebagai landasan operasional<sup>3</sup>. Oleh itu, untuk melaksanakan semua proses kegiatan pemulihan sosial diperlukan legalitas disisi undang-undang dan peraturan pelaksanaannya.

Strategi pemulihan sosial dilaksanakan berdasarkan undang-undang, sesuai pula dengan prinsip dan aspirasi yang wujud dalam masyarakat. Bagaimanapun, kekuatan di sisi undang-undang ini telah mendapat dukungan rakyat melalui mekanisma dan sistem perlembagaan (Parlemen) untuk dilaksanakan. Oleh itu, dalam mekanisma pelaksanaannya, diatur

---

<sup>2</sup> Di Indonesia, Undang-Undang Nomor 6 Tahun 1974 Tentang Ketentuan-Ketentuan Pokok Kesejahteraan Sosial; di Malaysia, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973.

<sup>3</sup> Dasar Negara merupakan prinsip umum satu bangsa dijadikan sumber rujukan utama, baik dari sisi Undang-undang dan Peraturan pelaksanaannya

menurut hirarki peraturan perundang-undangan yang berlaku, baik di Indonesia maupun Malaysia. Sesuai dengan landasan falsafah, dasar, perundang-undangan dan peraturan kerajaan, penanganan masalah pelacuran mempunyai kekuatan hukum secara formal. Dengan demikian, pemulihan sosial di kedua negara ini dapat melaksanakan tujuannya, iaitu melaksanakan pembinaan kepada pelacur untuk menciptakan kehidupan masyarakat yang sejahtera di dalam masyarakat sebuah negara. Gambaran mengenai Dasar dan Tujuan Pemulihan Sosial, khasnya bagi penanganan masalah pelacuran, baik di Indonesia maupun Malayasia, dapat dilihat pada Jadual 2.1.

### **Jadual 2.1**

#### **Dasar Dan Tujuan Pemulihan Bagi Masalah Pelacuran**

Di Indonesia	Di Malaysia
<p><b>Landasan dan Dasar</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pancasila dan UUD 1945; UU No.6 Tahun 1974; GBHN; Pola Penanganan Masalah Pelacuran dalam Pola Dasar Pembangunan Bidang Kesejahteraan Sosial. Peraturan Daerah.</li> <li>2. Prinsip Pekerjaan Sosial dan Disiplin Ilmu lain yang relevan.</li> </ol> <p><b>Tujuan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberikan pembinaan bagi Pelacur agar hidup dalam masyarakat secara normatif.</li> <li>2. Memulihkan harga diri, kepercayaan diri, tanggung jawab sosial, kemauan dan kemampuan klien agar dapat berfungsi sosial secara wajar dalam kehidupan masyarakat.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rukun Negara; Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973; Akta Mahkamah Budak-Budak 1947; Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKMN).</li> </ol>

**Sumber:** Diolah dari Petunjuk Teknis Penanganan Masalah Sosial Pelacuran, Direktorat Jenderal Bina Rehabilitasi Sosial Departemen Sosial R.I. 1991; dan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKMN), Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Berdasarkan Dasar dan Tujuan pemulihan sosial di atas, perkhidmatan sosial bagi masalah pelacuran di Indonesia dan Malaysia menjadi tugas dan tanggung jawab kerajaan bersama dengan masyarakat. Namun dalam pelaksanaannya, hanya dilakukan oleh kerajaan melalui pusat pemulihan sosial bagi penyandang masalah pelacuran. Keterlibatan masyarakat masih kurang, namun terus digalakkan juga penyertaan masyarakat dalam usaha pemulihan sosial, termasuk masalah pelacuran.

Huraian di atas menunjukkan bahawa dasar dan tujuan pemulihan sosial bagi pelacuran, baik di Indonesia maupun Malaysia bersumber dari nilai-nilai falsafah bangsa dan negara, iaitu Pancasila dan Rukun Negara. Untuk mewujudkan Pancasila dan Rukun Negara dilaksanakan melalui Akta dan peraturan untuk mengatasi berbagai masalah sosial, termasuk pelacuran. Tujuannya ialah untuk membantu serta membimbing klien-klien yang bermasalah, memulihkan dan mengembalikan para pelacur ke dalam kehidupan masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, dilakukan dengan tahapan perancangan yang mengarah kepada suatu falsafah, untuk menyediakan suatu persekitaran yang sihat serta sesuai bagi seorang klien agar dapat hidup dalam keadaan fizikal, mental dan emosional yang memuaskan. Keadaan ini dapat dicapai dengan adanya nasihat serta bimbingan dari petugas yang memahami akan kegelisahan, kekhawatiran serta keperluan klien yang berada di dalam pusat pemulihan.

## **1.2. Perkembangan Dan Kemudahan**

Pemulihan sosial melalui sistem pusat pemulihan telah dilakukan di berbagai negara, termasuk Indonesia dan Malaysia. Di Indonesia, telah dimulai pada masa penjajahan Belanda yang dibawa oleh kaum misionaris Kristian untuk memelihara anak yatim dan orang tua, perhatiannya kepada aspek perlindungan dan pengajaran. Di Malaysia, sistem pusat pemulihan digunakan juga untuk pemulihan sosial bagi masalah pelacuran, dengan perhatian utama kepada aspek penjagaan dan penahanan.

Dalam perkembangan sistem pusat pemulihan bagi melaksanakan kegiatan pemulihan sosial, berkait rapat dengan usaha untuk mengatasi berbagai bentuk masalah sosial, seperti jenayah, juvana, termasuk juga pelacuran. Perkembangan dan orientasi dalam perkhidmatan sosial telah dilakukan melalui sistem pusat pemulihan sosial, dan juga di luar pusat pemulihan (masyarakat). Menurut Soetarso, ada kecenderungan umum dalam usaha-usaha kesejahteraan sosial, pergeseran perkhidmatan dari orientasi pada pusat ke orientasi pada masyarakat (Soemarnonugroho 1984).

Dari perkembangan dan perubahan orientasi perkhidmatan sosial di atas, sistem pusat pemulihan sosial sampai sekarang tetap digunakan. Namun, perkhidmatan sosial sekarang tidak hanya menekankan di dalam pusat pemulihan, tetapi juga terdapat usaha untuk mensosialisasikan klien setelah keluar dari pusat pemulihan ke dalam masyarakat.

Penekanan pendidikan di dalam pusat pemulihan, telah mengalami perubahan juga ke arah sistem pemulihan sosial dengan melaksanakan pendidikan di dalam masyarakat, yang bertujuan agar klien mudah menyesuaikan diri di dalam masyarakat.

Mengenai pusat pemulihan sosial bagi masalah pelacuran di Indonesia, diantaranya dapat dilihat pada pusat pemulihan sosial Mulya Jaya. Di dalam perkembangannya, Pusat Pemulihan Mulya Jaya telah ditubuhkan sejak tahun 1959 sampai 1969, menekankan kepada aspek pendidikan wanita. Perhatian lebih difokuskan kepada pendekatan pemulihan sosial secara profesional, baru dimulai sejak 1979, dengan menumpukan kepada perubahan tingkah laku melalui pendidikan dan latihan kemahiran. Bagaimanapun, Pusat Pemulihan Mulya Jaya adalah pusat pemulihan sosial bagi masalah pelacuran yang terlama usianya dan yang terbesar di Indonesia. Sedangkan di Malaysia, satu daripadanya dapat pula dilihat pada Taman Seri Puteri Rembau, Negeri Sembilan yang sejak ditubuhkan pada tahun 1976, menekankan kepada aspek perlindungan kepada wanita dan gadis yang mempunyai masalah sosial dan moral.

Mengenai perkembangan kedua pusat pemulihan sosial ini dapat dilihat pada Jadual 2.2.

## Jadual 2.2

### Perkembangan Pusat Pemulihan Sosial Bagi Masalah Pelacuran

---

#### 1. Pusat Mulya Jaya

- 1959            Pusat Mulya Jaya didirikan di Pasar Rebo Jakarta, dengan tujuan untuk pendidikan wanita.
- 20/12/1961      Nama Pusat Mulya Jaya ditetapkan Menteri Sosial, dengan motto: 'Wanita Mulya Negara Jaya'.
- 1/6/1963        Peresmian pusat pendidikan Mulya Jaya, dengan Surat Keputusan Menteri Sosial R.I. No.HUK.4-1-9/2005.
- 1969            Berubah menjadi, Pusat Pendidikan & Pengajaran Kegunaan Wanita (P3KW) Mulya Jaya. Tahap awal dengan menekankan pada aspek pendidikan.
- 1979            Berubah menjadi, Pusat Sosial Rehabilitasi Wanita Tuna Susila (PRWTS) Mulya Jaya. Fokus kepada perkhidmatan sosial bagi bekas pelacur.
- 1994            Ditetapkan menjadi Pusat Sosial Karya Wanita (PKW) Mulya, oleh Menteri Sosial R.I. dengan Surat Keputusan No.14/HUK/1994 tanggal 23 April 1994.

#### 2. Taman Seri Puteri Rembau

- 15/11/1976     TSPR, ditubuhkan sebagai tempat memberikan perlindungan bagi wanita dan gadis.
- 12/5/1977       Diresmikan dengan nama: Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis.
- 1985 -          Dirubah nama menjadi: Taman Seri Putri Rembau. sekarang
-

Perkembangan awal pusat pemulihan Mulya Jaya lebih menekankan kepada aspek pendidikan. Pada 1979, perubahan dilakukan, berkenaan dengan penyesuaian status dan perkembangan perkhidmatan khas bagi bekas pelacur. Pada 1994, Pusat Pemulihan Sosial Karya Wanita ini menjadi Unit Pelaksana Teknis di bidang pemulihan sosial bagi pelacur. Sesuai dengan tujuan pusat pemulihan; untuk membina dan mengembangkan tata kehidupan sosial pelacur, maka kegiatan yang dilakukan adalah melalui usaha asrama, pemeliharaan kesihatan, pembinaan dan bimbingan mental, bimbingan kemasyarakatan, latihan kemahiran dan penyaluran kerja ke dalam masyarakat dengan menggunakan profesi kerja sosial.

Sasaran yang dididik dalam pusat pemulihan ini adalah pelacur yang terkena 'operasi tangkapan' pasukan petugas ketertiban di Jakarta. Operasi penangkapan melalui serbuan di wilayah Jakarta, didasarkan kepada Peraturan Daerah Jakarta No.11 tahun 1988 tentang Ketertiban Umum Dalam Wilayah Daerah Khas Ibukota Jakarta<sup>4</sup>. Hasil operasi diserahkan ke Pusat Pemulihan Mulya Jaya sebagai tempat pemulihan dan resosialisasi ke dalam masyarakat. Kemampuan tampung pusat pemulihan, setiap 6 bulan sebanyak antara 100 sampai 110 orang.

<sup>4</sup> Dalam Bab IX, mengenai Tertib Sosial Pasal 24: dinyatakan bahawa setiap orang/badan dilarang bertingkah laku a susila di jalan, jalur hijau, taman dan tempat tempat umum. Pasal 25 (1), setiap orang dilarang menggunakan, menyediakan bangunan atau rumah sebagai tempat untuk berbuat a susila. (2) setiap orang/badan dilarang memberi kesempatan untuk berbuat a susila.

Penubuhan Taman Seri Puteri, diawali dengan keadaan dan perkembangan masalah sosial di Malaysia pada awal 1970an yang menunjukkan semakin meluasnya keruntuhan moral di kalangan belia. Melihat semakin meluasnya masalah sosial terutama di kalangan anak gadis, maka salah satu sebab mengapa seorang gadis terpaksa dimasukkan pada pusat pemulihan akhlak. Kegiatan mereka bersabit dengan kesalahan yang berkaitan dengan kegiatan pelacuran seperti yang diperuntukkan dalam S. 7(2) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973<sup>5</sup>. Berdasarkan akta tersebut, Kerajaan melalui Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mendirikan 5 buah pusat pemulihan wanita dan gadis sebagai tempat memberikan perlindungan untuk wanita dan gadis. Satu diantaranya adalah Taman Seri Puteri Rembau, yang telah mulai menerima kemasukan anak gadis yang rosak akhlak atau menjadi mangsa pelacuran dari berbagai kaum sejak 4 Disember 1976.

Peranan Taman Seri Puteri sebagai sebuah institusi pemulihan akhlak adalah untuk memulihkan anak bangsa yang telah runtuh akhlaknya, akibat pergolakan sosial dan keadaan keluarga yang tidak teratur; menyegarkan hakikat hidup dan matlamat kejadian mereka; dan mendidik dengan pelbagai kemahiran dan akhirnya menolong mereka untuk menyesuaikan diri

---

<sup>5</sup> Di dalam Akta S. 7, dinyatakan bahawa orang perempuan dibawah umur dua puluh satu tahun . digunakan atau dilatih bagi pelacuran, dsb. Dalam (2), Mahkamah boleh memerintahkan supaya orang perempuan itu ditahan di suatu tempat perlindungan

berhadapan dengan keluarga dan masyarakat apabila keluar kelak. Usaha pemulihan ini difokuskan kepada aspek fizikal, sosial dan mental.

Pemulihan fizikal bertujuan untuk meningkatkan kesihatan dan kesedaran melalui makanan yang baik dan latihan sukan. Dan penyampaian pengetahuan kepada klien untuk menjaga, merawat dan meningkatkan kesehatan, ketahanan fizikal/tubuh mereka agar kondisi ini mendukung kemampuannya. Sesuai dengan tujuan membantu klien untuk menyesuaikan diri dengan keluarga, teman, dan masyarakat secara harmonis, maka pemulihan sosial pula menekankan sikap serta semangat setia kawan, bekerja sama dan bertanggung jawab melalui pendisiplinan para penghuni yang diharapkan agar mampu membuat pilihan secara wajar dan seksama. Pemulihan dan ketahanan mental dilakukan dengan pendidikan umum, agama dan penghayatan nilai-nilai mulia lewat kegiatan pengaturan waktu, diri, kerja, kesabaran dan percaya diri yang baik dan memuaskan selama di dalam maupun setelah keluar dari pusat pemulihan. Pusat pemulihan ini merupakan satu kesatuan bagi memperbaiki kehidupan orang-orang yang memerlukan bantuan agar kehidupan mereka diperbaiki semula berdasarkan program-program pemulihan yang disediakan.

Dari perkembangan kedua pusat pemulihan ini menunjukkan wujudnya satu sistem pemulihan sosial bagi mengatasi masalah pelacuran melalui sistem pusat pemulihan. Dalam sistem pusat pemulihan, terdapat

tugas dan fungsi untuk melaksanakan usaha-usaha perkhidmatan sosial yang didukung berbagai kemudahan. Semua bantuan dan kemudahan disediakan dan diberikan oleh pusat pemulihan bagi bekas pelacur, agar mampu hidup dengan layak di dalam masyarakat. Kemudahan asas untuk menjalankan pemulihan sosial di kedua pusat pemulihan sosial ini dapat dilihat pada Jadual 2.3.

**Jadual 2.3**

**Kemudahan Pada Pusat Pemulihan Sosial  
Mulya Jaya dan TSPR**

Bentuk Kemudahan	Mulya Jaya	TSPR
Luas Kawasan	2 Hektar	15 Hektar
Bangunan	24 buah	12 buah
Kereta	1 buah	1 buah
Lapangan Sukan	ada	ada
Letrik	ada	ada
Air bersih	ada	ada

Kawasan Taman Seri Puteri Rembau (TSPR) terletak di luar bandar dan lebih luas ia juga mempunyai kemudahan pengangkutan kerana kedudukannya yang berhampiran dengan jalan besar. Tempat yang jauh dari kesibukan bandar, memberikan ketenangan dengan persekitaran yang nyaman dipenuhi oleh tumbuh-tumbuh semulajadi. Dibandingkan dengan kawasan Pusat Pemulihan Mulya Jaya yang sekarang berada di dalam kawasan bandar Jakarta. Walaupun tidak begitu luas tetapi cukup sehat dan aman. Bangunan yang disediakan kedua pusat pemulihian ini penggunaannya sama, untuk pejabat, asrama, surau, bilik belajar dan kemahiran, aula, rumah pegawai, klinik, dan dapur. Semua kemudahan seperti lapangan sukan, kereta, letrik dan air bersih disediakan sesuai untuk keperluan. Pada dasarnya, semua kemudahan cukup untuk menjalankan berbagai aktiviti di dalam pusat pemulihan sosial.

## **2. ORGANISASI PUSAT PEMULIHAN**

Secara umum organisasi merupakan wadah terlaksananya proses perkhidmatan sosial dalam merubah keadaan awal matlamat perkhidmatan sebagai masukan menjadi hasil perkhidmatan sebagai keluarannya (Departemen Sosial R.I. 1996). Pusat pemulihan sosial sebagai wadah terlaksananya kegiatan perkhidmatan sosial yang bertanggung jawab untuk merigorganisasikan segala aktiviti dan tugas pemulihan, mengubah sikap

kan tingkah laku, latihan kemahiran, resosialisasi dan pembinaan lanjut agar pelacur mampu berperan aktif dalam kehidupan bermasyarakat (Suhendra 1995). Matlamat organisasi itu adalah menjaga dan menjamin kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan kestabilan guna memperteguh usaha untuk mengelak terjadinya kekacauan dan konflik di dalam pusat pemulihan. Kedua pusat pemulihan yang dikaji ini mempunyai orientasi dan pendekatan yang berhubungan dengan pengorganisasian pusat pemulihan yang menekankan aspek keselamatan dan kesejahteraan klien.


Oleh itu, kedua pusat pemulihan sosial ini mengamalkan dan mengutamakan pemenuhan keperluan hidup klien, walaupun pada waktu yang sama petugas mewujudkan suasana hidup disiplin pusat pemulihan, yang berbeza dari pengalaman klien sebelum masuk pusat pemulihan. Untuk menjalankan pengurusan pusat pemulihan, satu bentuk pengaturan hidup di pusat pemulihan diciptakan lewat undang-undang dan peraturan, agenda tugas dan kegiatan pusat pemulihan. Pengaturan semua kegiatan ini, hanya mungkin dapat dijalankan dengan menyusun struktur organisasi, dan pelaksana organisasi untuk menunjukkan pembagian tugas dan kewajiban setiap petugas dalam menjalankan tanggung jawab mereka di dalam sebuah pusat pemulihan.

## **2.1. Struktur Organisasi**

Dalam struktur dan proses sebuah organisasi, terdapat norma dan nilai tertentu yang dilembagakan dan diterapkan, sebagai suatu yang penting untuk memberi pedoman kepada sikap serta tingkah laku anggota-anggota yang berinteraksi serta menjalin hubungan di dalam sebuah organisasi. Dengan demikian, di dalam kedua pusat pemulihan yang dikaji, semua tugas yang dijalankan petugas, memerlukan struktur organisasi. Pelaksanaan tugas, fungsi, dan peranan sesuai dengan struktur organisasi, lazimnya dilakukan oleh pekerja profesional dan bukan profesional. Kegiatan dijalankan bersama-sama dengan mengordinasikan semua kegiatan pusat pemulihan. Gambaran mengenai struktur organisasi kedua pusat pemulihan ini menggambarkan satu bentuk dari sistem organisasi yang menggunakan garis komando. Hubungan antara Pengetua dengan para pegawai atau kakitangan lebih berasaskan kepada arahan sepihak, dari atas ke bawah. Gambaran mengenai struktur organisasi kedua pusat pemulihan sosial dapat dilihat perbezaan, persamaan, dan keunikan serta ciri-ciri pengorganisasian acara pusat pemulihan (lihat, Rajah 2.1).

## Rajah 2.1

# **Struktur Organisasi Pusat Pemulihan Sosial Mulya Jaya Dan Taman Seri Puteri Rembau**



Catatan:

- 1 = Pembantu Pembangunan Masyarakat
  - 2 = Pembantu Tadbir
  - 3 = Penyelenggara Setor
  - 4 = Jururawat
  - 5 = Pengawal/jaga
  - 6 = Pemandu
  - 7 = Penolong Dapur
  - 8 = Pekerja Am Rendah

Pusat Pemulihan Mulya Jaya merupakan bahagian atau unit pelaksana teknis dalam bidang pemulihan sosial bagi pelacur yang berada di lingkungan Departemen Sosial Republik Indonesia. Secara fungsional, pusat pemulihan ini bertanggung jawab kepada Pengarah Jabatan Departemen Sosial Jakarta. Secara umum, tugas Pusat Pemulihan Mulya Jaya ialah untuk memberikan pemulihan dan perkhidmatan sosial bagi pelacur, sesuai dengan peraturan dan undang-undang yang berlaku. Secara khas, tugasnya adalah mencakupi pembinaan fizikal, mental, sosial, mengubah sikap dan tingkah laku, latihan kemahiran dan resosialisasi atau bimbingan lanjut agar mampu berperan aktif dalam kehidupan masyarakat.

Dalam melaksanakan tugasnya, Pusat Pemulihan Mulya Jaya mempunyai fungsi utama dan fungsi teknis. Fungsi utama mencakupi identifikasi dan pendaftaran, pembinaan dan bimbingan sosial, penyaluran dan bimbingan lanjut. Fungsi teknisnya adalah: 1) Motivasi, observasi, identifikasi, seleksi dan penerimaan calon; 2) Konsultasi; 3) Pengungkapan dan pemahaman masalah serta penyusunan rencana pemulihan; 4) Perkhidmatan penampungan, pengasramaan dan perawatan; 5) Pembinaan fizikal dan mental; 6) Bimbingan sosial individu, kelompok dan masyarakat; 7) Bimbingan kemahiran kerja dan usaha; 8) Bantuan sosial, penyiapan dan pelaksanaan penyaluran kembali kepada keluarga, masyarakat lingkungan

kerja atau usaha. Dalam melaksanakan fungsi-fungsi teknis tersebut, pusat pemulihan sosial ini melaksanakan juga fungsi pentadbiran.

Menurut klasifikasi pusat pemulihan sosial oleh Departemen Sosial Republik Indonesia, Pusat Pemulihan Mulya Jaya termasuk kategori Tipe A. Oleh itu, susunan organisasi terdiri dari Pengetua, Urusan Pentadbiran, Seksi Penyantunan, dan Kumpulan Pegawai Fungsional. Pengetua pusat pemulihan bertugas dan bertanggung jawab terhadap pelaksanaan pemulihan sosial bagi para pelacur, baik secara pentadbiran, teknik operasional, dan hubungan luar. Urusan Pentadbiran mempunyai tugas melakukan urusan surat-menyerat, kewangan, sumber manusia, penyediaan data dan laporan dan rumah tangga pusat pemulihan. Seksi Penyantunan mempunyai tugas menyiapkan bahan-bahan dalam rangka pemberian perkhidmatan pemulihan sosial kepada pelacur. Kumpulan pegawai fungsional, mempunyai tugas memberikan perkhidmatan pemulihan sosial sesuai bidang tugas masing-masing; kumpulan fungsional ini terdiri dari sejumlah Pekerja sosial dan pegawai fungsional lainnya. Dalam melaksanakan tugas-tugas sesuai dengan fungsinya, disesuaikan dengan beban kerja pusat pemulihan. Kumpulan pegawai fungsional, dipimpin oleh seorang Pekerja sosial senior.

Dalam melaksanakan tugas-tugasnya, semua kakitangan Pusat Pemulihan Mulya Jaya wajib menerapkan prinsip kordinasi, integrasi, sinkronisasi, baik dalam lingkungan masing-masing, dan antara satuan

organisasi baik di dalam maupun di luar pusat pemulihan yang secara fungsional mempunyai hubungan kerja<sup>6</sup>. Ketiga prinsip ini secara keseluruhannya ditujukan untuk mencapai hasil yang optimum dengan cara yang efisien.

Struktur organisasi pusat pemulihan sosial ini telah mengalami perubahan kearah satu bentuk yang lebih sederhana. Gambaran mengenai struktur organisasi Pusat Pemulihan Sosial Karya Wanita Mulya Jaya yang baru ini menunjukkan bahawa tugas-tugas para pelaksana diatur lebih berdasarkan kepada fungsi dan kemahiran petugas. Pelaksanaan tugas seperti ini memudahkan pemimpin pusat pemulihan dalam melaksanakan tanggung jawabnya. Gambaran mengenai struktur organisasi pusat pemulihan sosial di Mulya Jaya Jakarta, sesuai dengan Keputusan Menteri Sosial R.I. Nomor 22/HUK/1995.

Taman Seri Puteri Rembau (TSPR) pula merupakan bahagian atau unit pelaksana dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat Malaysia. Tugas Taman Seri Puteri Rembau adalah memberikan dan melaksanakan perlindungan bagi wanita dan gadis yang mengalami masalah sosial, pelacuran. Oleh itu,

---

<sup>6</sup>Istilah kordinasi merupakan usaha yang ditujukan untuk menjalankan kerjasama antara semua bahagian di dalam organisasi. Integrasi merupakan usaha mensepadukan berbagai-bagai kegiatan sebagai satu kesatuan kerja. Sinkronisasi adalah usaha untuk mengarahkan semua kegiatan untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan organisasi.

Pengetua Taman Seri Puteri Rembau bertanggung jawab kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Dalam struktur organisasi, Pengetua Taman Seri Puteri Rembau dalam menjalankan tugas dan tanggung jawabnya, dibantu seorang Petugas Rundingcara. Tugas pentadbiran pemulihan secara fungsional, dijalankan oleh 12 orang Pembantu Pembangunan Masyarakat, Pembantu Tadbir, Jururawat, Penyelenggaran Setor, Pengawal/Jaga, Pemandu, Penolong Dapur, Pekerja Am Rendah, dan para guru sambilan.

Tugas dan tanggung jawab Pengetua yang utama adalah memimpin Taman Seri Puteri Rembau sebagai satu institusi pemulihan akhlak bagi wanita dan gadis. Selain menjalankan tugas-tugas pentadbiran di dalam pusat pemulihan, keluar pusat pemulihan menjalin hubungan kerjasama dengan berbagai institusi kerajaan maupun swasta untuk meningkatkan perkhidmatan dan kesejahteraan klien. Petugas Rundingcara bertanggung jawab untuk membantu Pengetua, khasnya dalam menjalankan dan mengendalikan kes-kes bagi klien. Selain itu, memberikan laporan kepada Pengetua mengenai tugas-tugas yang berhubungan dengan urusan klien di mahkamah.

Mengenai pelaksanaan tugas-tugas penyeliaan klien di luar pusat pemulihan, dijalankan oleh Pembantu Pembangunan Masyarakat. Tugas utamanya adalah memberikan laporan perkembangan dan perubahan

tingkah laku klien selama di dalam pusat pemulihan; memberikan kaunseling dan mendisiplinkan selama masih dalam pengawasan pusat pemulihan. Pembantu Tadbir, bertugas dan bertanggung jawab untuk menjalankan pentadbiran di pejabat, terutama yang berkaitan dengan surat-menyurat, rekod klien, dan lain-lainnya. Juru rawat adalah seorang petugas Kementerian Kesihatan yang ditempatkan di pusat pemulihan, tugas utamanya adalah perawatan dan pengobatan ringan bagi klien yang sakit.

Melihat kepada struktur organisasi pada kedua pusat pemulihan sosial, secara umum menunjukkan ciri-ciri utama bagi suatu birokrasi. Kebanyakan kakitangan yang bertugas merupakan bagian dari suatu rantai hirarki kerajaan yang sederhana sifatnya. Hirarki dan mekanisma kerja sesuai dengan sistem birokrasi kerajaan, dan memperlihatkan bahawa suatu hubungan dari atas ke bawah itu diatur melalui peraturan-peraturan tertentu. Keadaan yang demikian, diterapkan juga kepada petugas dan hubungan antara petugas dengan klien. Semua keputusan berada di puncak hirarki pentadbiran, iaitu pengetua pantai sebagai pemimpin di dalam pusat pemulihan.

## **2.2. Pelaksana Organisasi**

Untuk menjalankan setiap kegiatan program pemulihan sosial, terdapat petugas yang profesional dan bukan profesional<sup>7</sup>. Berdasarkan kedua kategori ini, pegawai yang termasuk kategori profesional adalah pekerja sosial atau pembantu pembangunan masyarakat, pegawai rundingcara, juru rawat, pentadbir dan guru. Sedangkan yang termasuk dalam kategori bukan profesional adalah pengawal dan tukang masak. Di dalam menjalankan tugas, baik di dalam maupun di luar pusat pemulihan, semua kakitangan melaksanakan tugas sesuai dengan struktur organisasi. Gambaran mengenai pegawai pada kedua pusat pemulihan sosial ini dapat dilihat pada Jadual 2.4.

<sup>7</sup> Istilah profesional, merujuk kepada bidang kerja yang sesuai dengan profesi atau kemampuan dan kelekapan dalam bidang kerja tertentu. Yang dimaksud dengan profesi ialah suatu pekerjaan yang: a) secara sosial, moral, hukum dan agama adalah sah. b) berdasarkan kompetensi tertentu yang diperoleh melalui pendidikan khas yang diakui. c) berdasarkan kerangka pengetahuan, kemahiran, teknis, dan kerangka nilai tertentu yang diperoleh melalui pendidikan khas yang sah dan diakui. d) berdasarkan pengangkatan atau izin resmi. e) diakui oleh masyarakat tentang keberadaannya dan kemanfaatannya. f) mempunyai kedudukan, peranan yang kewenangan khas dibidangnya, g) mendapatkan imbalan gaji yang sesuai atas pelaksanaan tugas profesionalnya dari penerima perkhidmatan atau dari lembaga yang mempekerjakannya (Departemen Sosial R.I. 1996).

#### Jadual 2.4

#### **Keadaan Pegawai Pusat Pemulihan Mulya Jaya dan Taman Seri Puteri Rembau**

No.	Kategori	Mulya Jaya	TSPR
1.	Profesional	29 orang	15 orang
2.	Bukan Profesional	26 orang	11 orang
	Jumlah	55 orang	26 orang

Pegawai profesional pada pusat pemulihan Mulya Jaya terdiri dari 9 orang sarjana (Pekerja sosial, Undang-Undang, Pendidikan, Pentadbiran). Selebihnya tidak sarjana, namun mempunyai keahlian seperti guru, dan jururawat. Semua pegawai ini, kebanyakannya kakitangan kerajaan, hanya 7 orang pegawai harian lepas. Di Taman Seri Puteri Rembau hanya ada 2 orang sarjana muda, 13 orang pembantu pembangunan masyarakat, selebihnya petugas yang mempunyai kemampuan profesional seperti jururawat, guru, dan pembantu pembangunan masyarakat. Semua pegawai Taman Seri Puteri Rembau adalah kaki tangan kerajaan, ( kaunseling, pendidikan, ahli -ahli kemahiran memasak, menjahit dll). Pekerja sambilan, hanya ada 3 orang guru sambilan dan satu orang guru sukarela.

Walau bagaimanapun, tenaga yang ada untuk menjalankan semua kegiatan pemulihan sosial di pusat pemulihan Mulya Jaya adalah cukup. Bantuan dan kerjasama dengan organisasi luar, memungkinkan keterlibatan profesi lain dalam perkhidmatan di dalam pusat pemulihan, seperti dari psikologis, dokter perubatan, psikiater, dan ulama. Namun, di Taman Seri Puteri Rembau, masih dirasakan kurang, terutama tenaga pegawai profesional. Kekurangan tenaga profesional, dirasakan mempunyai pengaruh terhadap kemampuan perkhidmatan kepada klien. Semua ini tercermin pada pendekatan dan sistem pembinaan kegiatan klien, terutama di dalam pusat pemulihan.

### **3/ PROGRAM PEMULIHAN SOSIAL**

Program pemulihan sosial ditujukan untuk mendidik klien kepada penghidupan yang lebih berfaedah dengan meningkatkan kemampuan dan kebolehan yang dilakukan melalui sistem pusat pemulihan sosial mencakupi aspek fizikal, mental, dan sosial. Semua bentuk program yang dilakukan saling berkaitan melalui berbagai kegiatan; perlindungan fizikal, kaunseling, pendidikan dan latihan kemahiran, dan kegiatan kemasyarakatan seperti gotong royong, sukan dan berkebun.

 Pemulihan fizikal ditujukan untuk memelihara kesihatan dan kecerdasan yang baik dengan memberikan makanan yang cukup, tempat tinggal yang selesa, pakaian yang cukup dan bersih, sukan

Pemenuhan keperluan asas bagi klien di dalam pusat pemulihan, seperti makanan, pakaian, dan rawatan kesihatan yang disediakan di Mulya Jaya dan Taman Seri Puteri Rembau agak berbeza. Gambaran mengenai pemenuhan keperluan asas ini dapat dilihat pada Jadual 2.5.

**Jadual 2.5**

**Keperluan Asas Dalam Pusat Pemulihan**

Keperluan	Mulya Jaya	TSPR
1. Makanan	3 + 1 kali	3 + 2 kali
2. Pakaian	tidak ada	ada
3. Rawatan kesihatan	ada	ada

Di Mulya Jaya, makanan disiapkan sendiri oleh klien secara bergiliran mengikut agenda tugas kelompok yang terdiri dari sepuluh orang. Pengamatan menunjukkan bahawa makanan yang disediakan di dua tempat ini, tiga kali setiap hari dan minum satu kali sehari. Perbezaaan menunjukkan, menu dan kualiti makanan dan minum, yang disediakan Mulya Jaya tidak lebih baik keadaannya dibandingkan dengan Taman Seri Puteri Rembau. Pakaian seragam hanya ada di Taman Seri Puteri, sedangkan di Mulya Jaya tidak sediakan. Rawatan kesihatan, termasuk perubatan

disediakan di dalam pusat pemulihan, dan dalam keadaan 'emergency' klien dapat dikirim ke hospital.

### 3.2. Kaunseling

Kaunseling merupakan satu saluran bagi pemberian bimbingan<sup>9</sup>. Bimbingan dan kaunseling mempunyai pengertian sebagai satu bentuk temubual yang membantu klien untuk mengerti dirinya dengan lebih baik dengan tujuan agar mereka dapat mengoreksi kesukaran dengan persekitaran atau penyesuaian dirinya<sup>10</sup>. Dalam kajian ini, kaunseling merujuk kepada perhubungan antara klien (pelacur) yang memerlukan pertolongan dalam memecahkan berbagai masalah personal maupun sosial dengan kaunselor.

---

<sup>9</sup> Pengertian bimbingan merupakan pemberian bantuan kepada seseorang atau sekelompok orang dalam

membuat pilihan secara bijaksana, dan mengadakan penyesuaian diri terhadap tuntutan-tuntutan hidup.

Dengan bantuan ini, seseorang dapat mengatasi masalah yang dihadapinya sekarang dan menjadi lebih mampu untuk mengatasi masalah yang akan dihadapinya kemudian hari (W.S. Winkel, Bimbingan dan Konseling Di Sekolah Menengah, Gramedia, Jakarta, 1984:17-19).

<sup>10</sup> Prinsip kaunseling dalam pemulihan bagi masalah pelacuran yang utama adalah: membina satu hubungan yang sifatnya saling membantu antara kaunselor dengan klien dan keduanya bersepakat untuk:

- 1) Bekerjasama agar klien dengan bantuan kaunselor dapat menolong dirinya sendiri dalam berbagai aspek kehidupannya;
- 2) Menggunakan komunikasi secara mahir agar kaunselor dapat mengetahui permasalahan klien;
- 3) Kaunselor menyediakan informasi pengetahuan, kewajiran, akses kepada sumber-sumber bagi klien, membantu klien mengurangi dan menyelesaikan kekhawatirannya;
- 4) Melanjutkan satu proses jangka panjang dengan menawarkan akses dan dukungan secara berterusan. (Departemen Sosial Republik Indonesia 1995).

Semua bentuk kegiatan kaunseling bertujuan untuk memastikan masalah, dan meningkatkan kemampuan para klien dalam menyelesaikan masalah mereka sendiri. Selain itu, program kaunseling lebih ditujukan untuk mendisiplinkan, memperbaiki dan mengawal tingkah laku klien. Segala bentuk kaunseling yang dilakukan di kedua pusat pemulihan sosial ini bertujuan untuk mengubah sikap dan kelakuan klien yang tidak sesuai dengan nilai-nilai dan norma masyarakat, dan membantu menyelesaikan masalah mereka. Tujuan dan langkah kegiatan kaunseling ini dianggap sesuai agar para klien dapat memanfaatkan segala kegiatan yang diikuti dalam pusat pemulihan.

Pelaksanaan semua kegiatan kaunseling dilakukan dengan memberikan nasihat, dan membuat laporan kes mengenai perubahan dan kemajuan personaliti klien selama di dalam pusat pemulihan. Berdasarkan laporan kes setiap klien, bila dianggap penting dan masalahnya sangat serius, akan dibicarakan dalam perbincangan kes di dalam mesyuarat di dalam pusat pemulihan. Kaunseling di pusat pemulihan Mulya Jaya, dijalankan oleh para Pekerja Sosial; Di Taman Seri Puteri Rembau oleh seorang pegawai Rundingcara, seorang petugas kanan Pembangunan Masyarakat yang dibantu oleh 12 orang pembantu Pembangunan Masyarakat.

### **3.3. Pendidikan Dan Latihan Kemahiran**

Pendidikan dan latihan kemahiran merupakan satu proses belajar. Dalam program pemulihan sosial, pendidikan dan latihan kemahiran merupakan satu bentuk kegiatan yang ditujukan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemampuan belajar klien. Program pendidikan ditujukan agar klien menghayati nilai-nilai kehidupan murni supaya mampu membezakan suatu perbuatan yang baik dan buruk. Pendidikan dilaksanakan dalam dua bentuk, pendidikan umum dan pendidikan agama. Pendidikan umum diberikan agar klien sekurang-kurang dapat membaca, menulis, mengira, dan pengetahuan umum, sedangkan pendidikan agama diberikan sesuai ajaran agama klien dalam bentuk ceramah, sembahyang berjamaah dan mempelajari Al quran.

Gambaran mengenai pendidikan dan latihan kemahiran dapat dilihat pada Jadual 2.6.

### **Jadual 2.6**

#### **Pendidikan Dan Latihan Kemahiran Di Mulya Jaya Dan Taman Seri Puteri Rembau**

No.	Bentuk Kegiatan	Mulya Jaya	TSPR
1.	Pendidikan		
	Umum	ada	ada
	Agama	ada	ada
2.	Latihan Kemahiran		
	Menjahit/menyulam	ada	ada
	Memasak	ada	ada
	Mesin High speed	ada	tidak ada
	Tata rias	ada	tidak ada
	Anyaman	ada	tidak ada
	Membatik	ada	tidak ada
	Bordir/kruistek	ada	tidak ada
	Baby sister	ada	tidak ada
	Kraft tangan	tidak ada	ada
	Pertanian	tidak ada	ada
	Elektronik	tidak ada	ada

Dalam program latihan kemahiran di dalam kedua pusat pemulihan sosial, diberikan dalam dua bentuk. Pertama, kemahiran asas seperti menjahit dan memasak. Kedua, kemahiran pilihan, seperti bordir dan elektronik yang dapat disesuaikan dengan keperluan dan kerjasama dengan syarikat dan organisasi sosial di luar pusat pemulihan. Latihan kemahiran ini mempunyai matlamat agar selepas klien keluar dari pusat pemulihan, mampu memenuhi keperluan hidup sendiri dengan bekerja, baik sendiri maupun dengan orang lain.

Penekanan latihan kemahiran di kedua pusat pemulihan sosial, disebabkan dua faktor. Pertama, latihan kemahiran merupakan kemampuan asas sebagai bekal untuk mencari dan mendapatkan pekerjaan dan pendapatan yang halal dalam kehidupan sekarang. Kedua, berkaitan dengan dasar kerajaan yang pada masa ini menumpukan kepada kemajuan pada pembangunan sektor perindustrian. Kedua faktor ini dianggap penting, sesuai dengan perkembangan dan keperluan tenaga mahir dan separa mahir dalam bidang industri semakin nyata. Oleh itu, latihan kemahiran di kedua pusat pemulihan sosial ini berusaha menyesuaikan program latihan kemahiran dengan keperluan perindustrian.

### **3.4. Kemasyarakatan**

Kegiatan kemasyarakatan dilakukan dengan tujuan agar klien membiasakan diri dalam mengikuti berbagai aktiviti dalam masyarakat. Kegiatan sukan, pancaragam, kompong, seni dan drama, berguna sebagai bekal kemudian selepas kembali kepada masyarakat. Dengan demikian, klien setelah keluar dari pusat pemulihan dapat penyesuaikan diri dan mempunyai pekerjaan untuk memenuhi keperluan diri sendiri.

Mengenai kegiatan kemasyarakatan yang dilaksanakan di kedua pusat pemulihan sosial ini, dapat dilihat pada Jadual 2.7.

**Jadual 2.7**

**Kegiatan Kemasyarakatan  
Di Mulya Jaya dan Taman Seri Puteri Rembau**

	Bentuk Kegiatan	Mulya Jaya	TSPR
1.	Sukan	ada	ada
2.	Seni dan Drama	ada	ada
3.	Gotong Royong	ada	ada

Kegiatan kemasyarakatan seperti pada Jadual 7 di atas merupakan satu usaha untuk mensosialisasikan klien agar dengan mudah menyesuaikan diri dalam masyarakat. Kegiatan sukan yang dilakukan oleh para klien di kedua pusat pemulihan sosial ini, dilakukan juga di masyarakat seperti mengadakan kunjungan dan pertandingan di luar pusat pemulihan. Demikian juga dengan kegiatan seni dan drama. Namun, untuk kegiatan gotong royong hanya dilakukan di dalam persekitaran pusat pemulihan sahaja.

Digambarkan bahawa berbagai upaya telah dilakukan untuk mencapai tujuan pemulihan sosial, iaitu memberikan kemampuan kepada klien agar dapat hidup layak yang sesuai dengan norma di dalam masyarakat. Dengan demikian, satu bentuk masalah sosial (pelacuran) dapat di tangani dengan cara yang profesional.

Dari berbagai bentuk kegiatan program pemulihan sosial di atas, dapat dikendalikan dengan menetapkan beberapa kegiatan dalam agenda tertentu bagi para klien. Agenda itu termasuk daftar pembagian waktu harian yang siap dilaksanakan dari pagi hingga malam, seperti di gambarkan pada jadual waktu harian berikut ini :

**PUSAT - PEMULIHAN SOSIAL  
MULYA-JAYA, JAKARTA  
INDONESIA**

Hari Masa								
ISNIN		BANGUN PAGI SEMBAHYANG (SHOLAT) SUBUH BERJAMAAH	4.30 Subuh	5.15 Pagi	6.15 Pagi	7.00 Pagi	7.45 Pagi	11.00 Pagi
JUMAAT		SENAM KESEGARAN JASMANI (S.K.J) ATAU BARIS-BERBARIS						
KHAMIS		MANDI PAGI, MEMBERSIHAKAN RUMAH - HALAMAN RUMAH						
RABU		MINUM - PAGI						
SABTU		MASUK KELAS BENGKEL - KELAS						
AHAD		MINUM — RINGAN/ REHAT						
MASA LAPANG KEGIATAN KERJA SENDIRI		MASUK KELAS BENGKEL - KELAS						
SUKAN		MAKAN TENGAH HARI/SHOLAT ZUHUR ISTIRIHAT/RIHAT						
		RIHAT SHOLAT - ASHAR						
GONTONG- ROYONG KERJA BERSAMA		MASUK KELAS BENGKEL - KELAS						
		MAKAN MALAM SEMBAHYANG MAGRIB						
		SEMBAHYANG ISHAIH						
		MBELAJAR - MEMBACA AL-QUR'AN MENDENGAR CERAMAH						
		RIHAT TIDUR						

**PUSAT - PEMULIHAN SOSIAL  
TAMAN SERI PUTERI REMBAU  
MALAYSIA**

**Jadual 2.8**

Berdasarkanuraian di atas, sebagai penutup bab, dapat dikatakan bahawa keadaan, organisasi dan program kedua pusat pemulihan sosial lebih menunjukkan banyak ciri persamaan dibandingkan dengan perbezaannya. Birokrasi dan kepemimpinan pada kedua pusat pemulihan, penggunaan tenaga profesional dan bukan profesional, kemudahan yang diperlukan cukup disediakan. Bagaimanapun, semua kegiatan program pemulihan sosial telah dapat dijalankan selama ini.